



PUSAT TAMHIDI

TEL: 06-798 7019/7011 FAKS: 06-798 7068

MEMO

Kepada : **Semua Pelajar**
Pusat Tamhidi
Universiti Sains Islam Malaysia

Rujukan : USIM:2.16/208/1 Jld.4 ()

Daripada: **YBrs. Prof. Madya ChM. Dr.**
Juliana Binti Jumal
Pengarah Pusat Tamhidi

Tarikh : 17 Februari 2022 /
15 Rejab 1443H

PEMAKLUMAN ARAHAN AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) PUSAT TAMHIDI SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) BERIKUTAN PERLAKSANAAN PERGERAKAN KAWALAN DIPERKETATKAN DI KOLEJ KEDIAMAN USIM

Saudara/Saudari,

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa berikutan peningkatan kes pelajar USIM yang positif COVID-19 dan menjadi Kontak Rapat, pihak **Pengurusan Kolej Kediaman USIM** telah memutuskan untuk melaksanakan **Pergerakan Kawalan Diperketatkan di Kolej Kediaman USIM**.

2. Oleh yang demikian, Pengurusan Pusat Tamhidi **bersetuju aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Pusat Tamhidi** akan dilaksanakan **100% Secara Dalam Talian (Online)** bermula pada **Hari Isnin, 21 Februari 2022** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

3. Sehubungan itu, semua pelajar Pusat Tamhidi **Wajib** mematuhi arahan berikut:

BIL	PERKARA
1.	Pelajar wajib menghadiri kuliah/tutorial secara dalam talian (<i>Online</i>)
2.	Pelajar TPPS dan TSFT yang ada amali di makmal perlu merujuk kepada guru dan penyelaras masing-masing.
3.	Pelajar tidak dibenarkan pulang ke kampung masing-masing ATAU bermalam dimana-mana lokaliti luar kampus kerana aktiviti PdP dalam talian ini akan berubah kembali kepada secara <i>Hibrid</i> pada bila-bila masa setelah mendapat kebenaran dari Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) USIM .
4.	Pelajar tidak dibenarkan pulang pada Cuti Pertengahan Semester 2, 2021/2022 kerana Peperiksaan Lisan dan Bertulis Malaysian University English Test (MUET) akan diadakan pada minggu tersebut.

- | | |
|----|--|
| 5. | Jika pelajar ada masalah berkaitan aktiviti PdP sepanjang tempoh ini, sila berhubung dengan guru dan penyelaras masing-masing. |
|----|--|

Segala kerjasama dan perhatian daripada semua pelajar Tamhidi amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

Yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA ChM. DR. JULIANA BINTI JUMAL
Pengarah
Pusat Tamhidi